Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Cadangan Produk Ar-Rahnu Berasaskan *Tawarruq* Mesyuarat MPS ke-198 dan ke-199 bertarikh 29 Oktober 2019 dan 26 November 2019

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan bahawa penstrukturan produk ar-rahnu berasaskan *tawarruq* dan *rahn* adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Bagi struktur yang melibatkan pembelian komoditi secara pukal pada awal hari perniagaan, penyesuaian fiqah (*takyif fiqhi*)[1] berkenaan pembatalan pembelian komoditi daripada penyedia platform perdagangan komoditi pada akhir hari perniagaan hendaklah jelas;

ii. Dalam situasi kemungkiran oleh pelanggan, kebenaran daripada pelanggan perlu diperoleh sebelum proses penjualan (pencairan) aset cagaran dilaksanakan;

iii. Terma dan syarat produk ar-rahnu hendaklah menyatakan dengan jelas layanan-layanan berikut dalam situasi kemungkiran oleh pelanggan yang membawa kepada pencairan aset cagaran:

   (a) jika hasil daripada pencairan aset cagaran melebihi liabiliti pelanggan, lebihan tersebut hendaklah dikembalikan kepada pelanggan; dan
   (b) jika hasil daripada pencairan aset cagaran adalah kurang daripada liabiliti atau obligasi pelanggan, pihak institusi kewangan Islam (IKI) berhak untuk mendapatkan amaun tersebut daripada pelanggan.

iv. Pelanggan hendaklah dimaklumkan[2] berhubung spesifikasi dan ciri-ciri komoditi yang dijual beli termasuklah lokasi, jenis, kualiti, dan kuantiti serta kaedah pengiraannya bagi mengelakkan elemen ketidakpastian (*gharar*) dan pertikaian oleh pihak-pihak yang berkontrak; dan

v. Semua keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam dokumen polisi *Tawarruq* dan *Rahn* hendaklah dipatuhi.

Keputusan ini hendaklah dibaca bersama keputusan MPS berhubung pelaksanaan aturan *tawarruq* secara *straight-through processing* (STP) bertarikh 26 November 2019.

Keputusan ini berkuat kuasa pada 1 Februari 2020[3] dan terpakai ke atas IKI berikut:

(a) orang berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
(b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
(c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

[1] Penyesuaian fiqah atau *takyif fiqhi* merujuk kepada proses mendapatkan asas, prinsip atau konsep Syariah bagi suatu perkara baharu atau yang sedang muncul atau keadaan yang mana tidak mempunyai duluan.
[2] Berdasarkan kaedah yang diiktiraf oleh amalan perniagaan (`*urf tijari*) dan bertepatan dengan Syariah.
[3] Bank telah memaklumkan kepada IKI yang berkenaan berhubung keputusan ini pada 7 dan 28 November 2019 selepas mesyuarat MPS ke-198 dan ke-199.

Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D (1) dan (2) DFIA, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

Bahagian II: Latar Belakang

- Bank telah menerima cadangan daripada beberapa IKI untuk menawarkan produk ar-rahnu berasaskan *tawarruq* dan *rahn* lanjutan daripada ketidakharusan struktur produk ar-rahnu sedia ada berasaskan kontrak *qard* dan *rahn*.

- Dalam struktur cadangan ini, *tawarruq* merupakan kontrak pendasar bagi mewujudkan keberhutangan antara pelanggan dengan IKI. Seperti struktur ar-rahnu sedia ada, pelanggan akan mencagarkan emas kepada IKI. Namun, tiada yuran penyimpanan emas dikenakan kepada pelanggan. IKI akan memperoleh keuntungan hasil daripada urus niaga *murabahah* dalam aturan *tawarruq* yang dilaksanakan.

Isu Syariah

Adakah struktur ar-rahnu berasaskan *tawarruq* dan *rahn* seperti yang dicadangkan memenuhi keperluan Syariah?

Ilustrasi umum struktur produk ar-rahnu berasaskan *tawarrruq*



1. Pelanggan datang ke IKI untuk memohon pembiayaan ar-rahnu dengan membawa emas sebagai cagaran.
2. IKI akan membuat penilaian terhadap emas yang akan dicagarkan untuk menentukan jumlah pembiayaan yang layak dimohon oleh pelanggan.
3. Pelaksanaan *tawarruq**:
   a) IKI membeli komoditi daripada pembekal komoditi melalui penyedia platform perdagangan komoditi;
   b) IKI seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dan jumlah keuntungan yang ditetapkan oleh IKI dengan pembayaran secara tangguh. IKI selaku ejen akan menerima pembelian bagi pihak pelanggan; dan
   c) Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada penyedia platform perdagangan komoditi secara tunai (IKI selaku ejen jualan bagi pihak pelanggan).

4. Hasil jualan akan diserahkan kepada pelanggan setelah aturan *tawarruq* selesai.
5. Pelanggan akan membayar kepada IKI amaun keuntungan pada setiap 6 bulan dan amaun prinsipal akan dibayar semasa tempoh matang pembiayaan. Dalam situasi kemungkiran pembayaran, IKI berhak untuk melelong aset cagaran bagi tujuan melangsaikan jumlah pembiayaan.

* Nota: Terdapat pelbagai variasi pelaksanaan *tawarruq* yang dicadangkan, antaranya:

(i) Pembelian komoditi secara pukal oleh IKI pada awal hari perniagaan berdasarkan anggaran jumlah keseluruhan pembiayaan yang akan dimohon pelanggan. Penjualan komoditi kepada pelanggan akan dibuat berdasarkan jumlah pembiayaan yang dimohon oleh setiap indvidu. Komoditi akan dijual semula kepada penyedia platform perdagangan komoditi sama ada secara berkelompok (*batches*) pada masa tertentu sepanjang hari perniagaan atau secara pukal pada akhir hari perniagaan.

(ii) Pelaksanaan *tawarruq* secara *straight-through processing* (STP) berdasarkan jumlah pembiayaan yang dimohon pelanggan (Sila rujuk keputusan MPS ke-199 berkenaan keharusan pelaksanaan *tawarruq* secara STP).

Bahagian III: Perbincangan Utama

Sama ada cadangan struktur ar-rahnu berasaskan tawarruq dan rahn menepati keperluan Syariah

- MPS telah membincangkan sama ada keuntungan yang dijana melalui struktur ar-rahnu berdasarkan konsep *tawarruq* dan *rahn* bertepatan dengan prinsip Syariah.

- MPS telah memutuskan bahawa gabungan kedua-dua kontrak tersebut tidak membawa kepada perkara yang dilarang Syarak seperti riba, gabungan jual beli dengan hutang (*bai` wa salaf*) dan hutang yang menjana keuntungan kepada pemberi pinjaman (*qard jarra naf`an*).

- Oleh itu, MPS memutuskan bahawa penggunaan kontrak *tawarruq* dan *rahn* bagi produk ar-rahnu menepati keperluan Syariah dan aplikasi konsep cagaran dalam kontrak pembiayaan diharuskan daripada sudut Syariah bagi memelihara kepentingan pihak yang memberi pembiayaan dalam situasi kemungkiran.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Keharusan tawarruq

- Pelaksanaan *tawarruq* diharuskan berdasarkan nas al-Quran yang menunjukkan keharusan kontrak jual beli secara umum termasuklah *tawarruq*:

وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلْبَيْعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰا۟

"...padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".[4]

[4] Surah al-Baqarah, ayat 275 (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman).

Keharusan rahn

- Kontrak *rahn* diharuskan berdasarkan nas al-Quran berikut:



"*Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian sekiranya yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak perlu bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan barangsiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan*".[5]

- Hadis berikut menunjukkan keharusan kontrak *rahn*:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجَلٍ وَرَهَنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ.

Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW pernah membeli makanan dari seorang Yahudi secara bertangguh dan Baginda SAW menggadaikan baju besinya kepada orang Yahudi tersebut.[6]

Keharusan penggabungan beberapa kontrak dalam suatu struktur produk

- Secara umumnya, penggabungan beberapa kontrak dalam perjanjian induk diharuskan berdasarkan kaedah fiqah:

الأصل في المعاملات الإباحة, إلا ما دل الدليل على حرمته

Hukum asal muamalat adalah harus, kecuali terdapat dalil yang mengharamkannya.[7]

- Pergantungan antara kontrak-kontrak yang digabungkan adalah dibenarkan sekiranya objektif setiap kontrak boleh dipenuhi dan ia dapat menyokong antara satu kontrak dengan kontrak yang lain bagi mencapai tujuan utama penggabungan tersebut. [8]

---

[5] Surah al-Baqarah, ayat 283 (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman).
[6] Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Dar Tawwaq al-Najah,* Lebanon, *j.3, h. 56, hadis no. 2068.*
[7] Ibn Uthaimin, *Al-Syarh al-Mumti` `ala Zad al-Mustaqni`,* Dar Ibni al-Jauzi, j. 8, h. 241.
[8] MPS dalam mesyuarat ke-140 bertarikh 28 Oktober 2013 dan mesyuarat ke-166 bertarikh 23 Februari 2016 telah memutuskan bahawa penggabungan yang melibatkan pergantungan antara kontrak-kontrak adalah diharuskan. Keharusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
   i. Tidak membawa kepada unsur riba, *gharar* dan *maysir*;
   ii. Tidak melibatkan pertentangan antara *muqtada al-`aqd* bagi setiap kontrak yang digabungkan; dan

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

- Cadangan struktur ini merupakan produk patuh Syariah yang bertujuan untuk menggantikan produk ar-rahnu sedia ada berasaskan kontrak *qard* dan *rahn* sebagai kontrak pendasar.

iii. Tidak membawa kepada perkara yang diharamkan oleh syarak.